



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 12 JULAI 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KPKM SIASAT DAKWAAAN LAMBAKAN UDANG IMPORT, NEGARA, KOSMO -5	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2. 3.	FRUITS of LABOUR, NEWS, THE SUN -3 'KACANG PANJANG, TIMUN SEMUA MATI', NEGARA, KOSMO -17	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
4. 5. 6. 7.	WARGA EMAS DERA ANJING KEMUKA REPRESENTASI, DALAM NEGERI, UM -32 STRAYS INSPIRE BOY TO BECOME VET, NATION, THE STAR -14 MAN ON TRIAL FOR DRAGGING DOG WANTS CHARGES AMENDED, NATION, THE STAR -14 KEMARAU PANJANG ROSAKKAN DEDAK HAIWAN TERNAKAN, FORUM, UM -19	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
8.	FAMA SASAR EKSPORT RM25 JUTA, BISNES, SH -29	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
9. 10. 11. 12.	MADU KELULUT KELUARAN MOHD. SALLEH TEMBUSI PASARAN LUAR NEGARA, DALAM NEGERI, UM -30 RUGI LEBIH RM30,000 SEBELUM BERJAYA, NEGARA, KOSMO -15 RAIH PENDAPATAN LUMAYAN TERNAK KELULUT, BISNES, SH -30 MADU KELULUT 'TERBANG' KE DUBAI, LOKAL, HM -24 & 25	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
13. 14. 15.	USAHAWANTANI PUTRA-PERHEBAT BANTU BAKAL PESARA, VETERAN ATM, NEGARA, KOSMO -5 PROJEK INTAN STRATEGI MANTAPKAN KETERJAMINAN MAKANAN, NASIONAL, SH -11 POKOK KANTAN UBAH NASIB, LOKAL, HM -9	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Usahawantani Putra-Perhebat bantu bakal pesara, veteran ATM

SERDANG – Kolaborasi Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (Perhebat) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) menerusi program Usahawantani Putra-Perhebat akan memartabatkan sosioekonomi bakal pesara serta veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Timbalan Menteri Pertanian, Adly Zahari berkata, kerjasama itu yang dimulakan pada Mac lalu adalah sebahagian usaha dalam melahirkan lebih ramai usahawantani dan usahawan tani selain memastikan keterjaminan makanan dapat dipenuhi.

"Di Perhebat kita ada pelbagai latihan yang dikemukakan dan kita tahu bahawa majoriti anggota pertahanan yang mahu menamatkan perkhidmatan selaku veteran ATM memilih bidang keusahawanan.

"Antaranya adalah bidang berkaitan dengan pertanian sama ada melibatkan tanaman mahupun penternakan," katanya pada sidang akhbar di Pusat Pertanian Putra, di sini semalam. Dalam pada itu, Adly berkata, program tersebut ditawarkan kepada dua kategori iaitu bakal pesara dengan latihan selama tiga hingga lima bulan termasuk veteran ATM yang dijalankan secara berkelompok selama enam bulan.

"Kalau kita lihat untuk fasa pertama ada 20 orang yang me-



ADLY (berdiri, tengah) melihat tanaman terung yang dihasilkan di Universiti Putra Malaysia, Serdang semalam. -AMIR KHALID

ngusahakan beberapa tanaman iaitu cili, terung, 'sum melon', tembikai susu dan juga penternakan haiwan seperti puyuh dan ikan keli.

"Jadi, hari ini kita boleh melihat sebahagian daripada hasil yang telah mereka usahakan sebelum dipasarkan di Putra Mart di sini. Usaha ini sekali gus dapat meningkatkan sosioekonomi anggota veteran," ujarnya.

Pada masa sama, Adly berkata, latihan kepada mereka yang terlibat akan diteruskan dari semasa ke semasa bagi meningkatkan 'upskill' dan 'reskill'.

KPKM siasat dakwaan lambakan udang import

SEBERANG PERAI – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) belum menerima sebarang aduan rasmi berhubung lambakan udang pada kalendar penternak atau pengusahanya yang terlibat.

Timbalan Menteri, Chan Foong Hin berkata, sebaliknya, isu lambakan udang itu hanya diketahui melalui laporan media atau sidang akhbar yang dikendalikan 'persatuan penternak.

Bagaimanapun, beliau berkata, KPKM tetap menjalankan pemeriksaan lanjut dengan kerjasama beberapa agensi lain terutamanya Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Majlis) Pulau Pinang bagi mengesahkan perkara tersebut.

"Kalau isu ini (lambakan udang import) memang berlaku, kemungkinan ia (masuk ke negara ini) bukan melalui cara yang sah dan boleh mengundang kepada isu biosekuriiti dan sebagainya," katanya di sini semalam.

Foong Hin berkata, kesesakan udang putih yang tidak terkawal dikuatir akan mengakibatkan sebarang penyakit bawaan.

Sehubungan itu, katanya, Bahagian Keselamatan

dan Kualiti Makanan di Kementerian Kesihatan (KKM) akan bekerjasama membantu dari pengambilan sampel-sampel di pasar awam dalam usaha untuk mengenal pasti sekiranya terdapat bahan-bahan terlarang seperti antibiotik dan sebagainya dalam udang berkenaan.

Namun katanya, sehingga kini, tiada sebarang penyakit dipat dikenal pasti kerana tiada rekod bagi kemasukan udang tersebut secara seludup.

Dalam perkembangan berkaitan, Pengarah Perikanan Pulau Pinang, Zarina Zainuddin berkata, beberapa langkah kawalan kemasukan udang putih import telah dikenal pasti oleh Jabatan Perikanan.

"Antaranya termasuk melaksanakan operasi bersepadu melibatkan pelbagai agensi atau jabatan yang diketuai oleh Maqis bagi mengesan kemasukan udang yang diseludup," katanya.



'Udang import kacau pendapatan kami'

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/7/2023	THE SUN	NEWS	3



FRUITS OF LABOUR ... An Agrotech trainee holding up a sun melon that was grown on a farm at Universiti Putra Malaysia in Serdang. - **BERNAMAPIC**

Air dari sungai tercemar berbau busuk, hitam jadi punca tanaman tak menjadi

'Kacang panjang, timun semua mati'




ISU SETEMPAT

Oleh SYED AZLAN SAYID HIZAR

PASANG BESAR – Pencemaran sungai yang berlaku di Kampung Kubang Tiga di sini sejak hujung tahun lalu bukan hanya menjejaskan kehidupan harian penduduk, malah turut menyebabkan hasil pertanian terjejas teruk.

Penduduk mendakwa, lebih 56.6 hektar kawasan pertanian meliputi tanaman sayur dan padi di kawasan kampung berkenaan gagal mengeluarkan hasil yang memuaskan ekoran masalah berkecauan.

Menurut seorang petani, Tiaw Koay Joo, 38, hasil tanaman sayur yang diusahakannya di tanah seluas kira-kira 5.6 hektar rosak



SEORANG penduduk menunjukkan saliran air yang berubah warna menjadi hitam menjadi hitam dipercayai akibat tercemar di sebuah kebun kelapa sawit di Kubang Tiga, Padang Besar baru-baru ini.

dan mati akibat daripada pencemaran air.

"Saya mengalami kerugian antara RM20,000 hingga RM30,000 selepas tanaman seperti kacang panjang, bendi, ti-

mun dan bayam mati setelah mengepam air dari saliran yang tercemar.

"Hasil pertanian ini pada mulanya menguning kemudiannya menjadi layu dan mati akibat di-

siram menggunakan air dari sungai yang airnya bertukar warna sejak Disember tahun lalu," katanya ketika ditemui Kosmo' di sini semalam.

Katanya, terdapat kira-kira

20 petani yang mengusahakan tanaman sayur turut berdepan masalah yang sama akibat pencemaran sungai.

Dalam pada itu, tinjauan Kosmo' mendapati, terdapat kawasan sawah yang tidak diusahakan oleh penduduk akibat masalah sama sehingga ditumbuhi semak-samun.

Seorang pesawah, Suvinart Shien, 36, berkata, hasil padi yang diusahakan seluas kira-kira 2.8 hektar mengalami kemerosotan antara 30 hingga 50 peratus pada musim lalu.

"Biasanya saya akan mendapat pulangan hasil kira-kira 2.2 tan padi bagi 0.28 hektar tanah dengan nilai kasar RM2,500. Untuk kali ini, saya hanya mendapatkan 1.5 tan padi bagi keluasan yang sama.

"Air dari saliran berbau busuk dan berwarna hitam sehingga menyebabkan saya terpaksa menyediakan air botol untuk diri setiap kali turun ke sawah akibat kesan gatal-gatal pada kulit," jelasnya.

12/7/2023

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

32

Warga emas dera anjing kemuka representasi

SEREMBAN: Seorang lelaki warga emas yang didakwa atas pertuduhan mendera seekor anjing dengan kejam pada Mei lalu akan mengemukakan representasi kepada Jabatan Peguam Negara (AGC).

Perkara itu dimaklumkan peguam, Nashvinder Singh Gill yang mewakili tertuduh, Chok Boon Kwong, 61, pada prosiding sebutan semula kes di hadapan Hakim Rushan Lutfi Mohamed

di Mahkamah Sesyen Seremban di sini semalam.

Nashvinder memohon ke-pada mahkamah tempoh satu bulan untuk meneliti dokumen sebelum sebutan semula kes ditetapkan.

Terdahulu, pihak pendak-waan yang diwakili Timba-lan Pendakwa Raya, Syamimi Farhana Muhammad A Aziz me-maklumkan dokumen berkaitan kes mendera anjing itu diserahkan

kan kepada pihak pembelaan.

Pada 8 Jun lalu, Boon Kwong didakwa atas pertuduhan de-ngan kejamnya telah mengikat seekor anjing dan mengheretnya dengan menggunakan kereta se-hingga menyebabkan kesakitan kepada haiwan tersebut.

Kesalahan itu dilakukan di ja-lan hadapan rumah di Kampung Sri Parit, Lukut di Port Dickson lebih kurang pukul 6.45 petang pada 27 Mei 2023.

Sehubungan itu, tertuduh didakwa melakukan kesalahan di bawah Seksyen 29(1)(e) Akta Kebajikan Haiwan 2015.

Jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak kurang daripada RM20,000 dan maksimum RM100,000 atau dipenjarakan tidak lebih daripada tiga tahun atau kedua-duanya.

Mahkamah kemudian mene-tapkan kes disebut semula pada 10 Ogos ini.

12/7/2023

THE STAR

NATION

14

Strays inspire boy to become vet

I can't bear seeing them in pain, says 16-year-old Christiano

By STEPHANIE LEE
stephanielee@thestar.com.my

KOTA KINABALU: As a boy, Christiano Dee Aldrin would tear up and refuse to leave if he saw an injured dog that needed medical care.

Often times, his parents would return home with an injured stray, all because of his insistence. Now 16, Christiano grew up seeing his parents in action as animal rescuers who also fostered strays.

It was the boy's devotion to strays that drove his parents to set up the Animals Lovers Independent Rescuer (ALIR) non-profit organisation in 2016.

"I have always been around

dogs and that is why I can't bear seeing them in pain," he added.

Apart from attending school, the SMK Kolumbong student's daily routines include spending time looking after the cats and dogs at home, feeding them and cleaning up, with a helping hand from his parents and elder brother.

While he is doing all that, the second of four siblings is also focusing on his ultimate dream - becoming a vet so that he can do a better job.

"I am studying hard as I want to make sure that I get good grades and go on to further my education in veterinary medicine," he declared.

He said he wanted to change how the community treated



Love them to bits: Christiano with the strays he cares for at the shelter in Kota Kinabalu. He grew up seeing his parents in action as animal rescuers who also fostered strays.

strays, and wanted to see the day when cats and dogs would no longer be harmed or abandoned.

Diana Romana Francisca said Christiano and his brother's "overwhelming" commitment to strays at times made her weary, with funds to worry about too.

"But whenever I see how Christiano loves the rescued animals, it just motivated me to carry on," said the 38-year-old.

Diana recalled the first time she witnessed his deep empathy towards strays back in 2009.

"We saw a blind puppy on the roadside and he pleaded with me to bring it home. Since then,

whenever he sees cats or dogs that are sick or injured he will not let up until we get them treated," added the mother of four who has also two daughters.

Diana and husband Aldrin Ham, 39, run a pet taxi and pet supply business from home.

She said support from her group of volunteers, friends from the veterinary industry, donors and contributors made it worthwhile running the business.

Diana said ALIR handled dozens of cases and calls for help daily. "My home is now a sanctuary to hundreds of strays," she concluded.

Man on trial for dragging dog wants charges amended

SEREMBAN: A man charged with animal cruelty will file a representation to the Attorney-General's Chambers to have the charge amended.

Chok Boon Kwong, 61, who claimed trial when he was charged on June 8, told this to Sessions Court Judge Rushan Lutfi Mohamed when the case came up for re-mention yesterday.

Counsel Nashvinder Singh Gill asked the court for a month's grace period for the next case management.

"We have received the relevant documents from the prosecution and will need some time to study it. We will also be filing a representation and hope the court can grant us a one-month period," he said.

Chok was charged with tying the canine to a car and dragging it along a road in Kg Sri Part in Port Dickson. He allegedly committed the offence at about 6.45pm on May 27.

Rushan then fixed Aug 10 for case management.



RAMAI tidak menyedari penternak turut berhadapan ancaman pencemaran toksin kulat dalam dedak haiwan. - GAMBAR HIASAN/ MUHAMMAD SHAHZAAN THAZALI

Kemarau panjang rosakkan dedak haiwan ternakan

SAUDARA PENGARANG.

CABARAN sering diperkatakan dalam bidang penternakan adalah harga dedak yang melambung tinggi.

Namun, tidak ramai menyedari penternak kecil turut menghadapi ancaman lain melibatkan pencemaran toksin kulat dalam dedak.

Dedak berfungsi sebagai sumber nutrisi penting untuk haiwan ternakan bagi menjamin tumbesaran, kesihatan dan produktiviti. Malangnya, pencemaran toksin kulat dalam dedak haiwan ternakan adalah satu isu meluas dan berpotensi membahayakan kesihatan haiwan ternakan yang panas dan lembap sepanjang tahun saungit sesuatu untuk pertumbuhan kulat dan penghasilan toksinnya.

Toksik kulat dikenali sebagai mikotoksin boleh menjangkiti tanaman seperti jagung, gandum dan kacang soya yang digunakan sebagai sumber dedak.

Agensi Meteorologi Malaysia memaklumkan negara akan berdepan El Nino bermula April sehingga September ini. Menurut kajian, keadaan ini akan merencatkan lagi pertumbuhan kulat dan penghasilan mikotoksin.

Selain perubahan iklim, pencemaran mikotoksin dalam dedak haiwan juga dipengaruhi amalan pengurusan ladang dan kaedah penyimpanan dedak kurang baik.

Mikotoksin ini boleh membawa kesan buruk kepada kesihatan haiwan ternakan seperti penurunan daya imunisasi, penurunan fungsi imun serta kematian.

Selain itu, mikotoksin juga boleh mencemarkan produk makanan hasilan haiwan seperti susu, telur dan daging, lama-lama menimbulkan risiko kepada kesihatan manusia.

Aliputnya, penternak kecil akan hilang mata pencarian disebabkan oleh penurunan produktiviti haiwan ternakan, peningkatan kos veterinar dan risiko penolakan produk mereka oleh pasaran.

DR. HWY EKANOB PUTRA SANSUDIN

Institut Pertanian Tropika & Kesejahteraan
Mekansan

FAMA sasar eksport RM25 juta

Sasaran itu menerusi padanan perniagaan di Ekspo Malaysia Fest 2023, Singapura

SINGAPURA

Ekspo Malaysia Fest 2023 edisi ke-6 akan diadakan selama empat hari bermula 27 Julai, 2023 di Singapore Expo, Changi, umum Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Singapura, Datuk Dr Azfar Mohamad Mustafar.

Bercakap pada prapelancairan ekspo itu pada Selasa, Azfar berkata, sejak penganiurannya pada 2016, ekspo tersebut telah mencipta jenama yang baik untuk Malaysia dengan memamerkan kepelbagaian rangkaian produk agromakanan, pakej pelancongan dan kraftangan negara.



Azfar (tengah), Aminuddin (kiri) dan Hatimah Abdullah hadir pada majlis prapelancairan Ekspo Malaysia Fest 2023 di Singapura, pada Selasa.

Ketika sempadan Malaysia dan Singapura dibuka semula tahun lepas, ekspo itu diadakan semula dan berjaya menarik 217 peserta pameran dari Malaysia serta mencatatkan lebih 120,000 pengunjung.

"Kami harap jumlah pengunjung yang sama akan mengunjungi pameran untuk tahun ini. Kami akan mengadakan pameran yang lebih besar. Setakat ini kami telah menarik 278 peserta pameran yang akan

mempamerkan produk mereka," kata Azfar.

Ekspo itu dianjurkan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dengan kerjasama MegaXpress International Pte Ltd yang berpangkalan di Singapura.

Bertemakan 'Terokai Rasa Unik Malaysia', Azfar berkata, ekspo itu penting bagi Malaysia bukan sahaja untuk membolehkan Singapura mengetahui produk tempatan tetapi juga untuk membawa perusahaan mikro, kecil dan sederhana Malaysia ke republik tersebut.

"Kami menyasarkan untuk membawa masuk 10 tan metrik buah-buahan bermusim dari Malaysia dan 2,000 unit penyimpanan stok (SKU) produk segar dan diproses," kata Pengerusi FAMA, Aminuddin Zulkipi.

Antara tarikan utama, FAMA akan mempromosikan buah-

buahan bermusim tempatan, termasuk longan kristal dari Sarawak, petai dari Perak, ciku dari Johor, nangka dari Pahang, serta cempedak dari Perlis.

"Bagi acara ini, kami ingin memperkukuh dan menumpukan kepada gabungan strategik antara FAMA dan negeri-negeri seperti Negeri Sembilan, Terengganu dan Perak serta empat agensi negeri lain," kata Aminuddin.

Menurutnya, FAMA menasarkan 100 padanan perniagaan sepanjang acara empat hari itu yang akan turut melibatkan 13 pengeksport dari Malaysia.

"Kami berharap dapat mencapai potensi nilai eksport sebanyak RM25 juta," kata Aminuddin.

Dalam satu kenyataan akhir, FAMA berkata, festival perniagaan tersebut berfungsi sebagai platform memamerkan pelbagai produk agromakanan dan barangan buatan Malaysia di republik itu. - Bernama

12/7/2023

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

30



Madu kelulut keluaran Mohd. Salleh tembusi pasaran luar negara

SEORANG pengusaha madu kelulut memperoleh pendapatan lumayan apabila produk keluarannya berjaya menembusi pasaran Indonesia, Dubai dan Singapura sejak 2021.

Mohd. Sufian Mat Noor, 47, yang mula terlibat dalam perusahaan madu kelulut sejak 2015 berjaya memasarkan madu kelulut ke luar negara dengan bantuan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas).

Menurutnya, pada masa ini, dia mempunyai 180 sarang madu kelulut yang ditempatkan di Galeri Madu Kelulut Bukit, Bukit

Bayas, dekat sini.

"Saya bermula termak kelulut secara suka-suka dengan hanya sebuah sarang di pekarangan rumah dan ketika itu dapat mengutip kira-kira 500 gram madu, kemudian saya beli 20 lagi sarang kelulut dan dapat sekitar 10kg lagi madu," katanya.

■ MOHD. Sufian Mat Noor menunjukkan antara produk madu kelulut perusahaannya yang dijual di Galeri Madu Kelulut Bukit, Bukit Bayas, Kuala Terengganu. - UTUSAN/TENGGU DANISH BAHRI TENGGU YUSOFF

Madu kelulut Sufian tembusi pasaran Indonesia, Singapura dan UAE

Rugi lebih RM30,000 sebelum berjaya

Oleh **TENGGU DANISH BAHRI**
TENGGU YUSOFF


KUALA TERENGGANU - Rugi lebih RM30,000 sewaktu awal penglibatan tidak mematahkan semangat Mohd. Sufian Mat Noor untuk meneruskan perusahaaan madu kelulut yang dipeloporinya sejak 2015.

Mohd. Sufian, 47, kini boleh menarik nafas lega apabila kerja kerasnya selama lapan tahun berjaya membawa produknya menembusi pasaran antarabangsa seperti Indonesia, Singapura dan Emiriyah Arab Bersatu.

Katanya, Galeri Madu Kelulut Bukit, Bukit Bayas, di sini kini menempatkan 180 sarang madu kelulut yang mampu menghasilkan antara 120 sehingga 300 kilogram (kg) madu sebulan.

"Saya bermula dengan sukanya hanya sebuah sarang kelulut di kawasan rumah. Hasilnya mampu menghasilkan 500 gram madu.

"Semangat saya berkobar-kobar dengan membeli lagi 20



MOHD. SUFIAN menunjukkan sebahagian produk madu kelulut yang dijualnya di Galeri Madu Kelulut Bukit di Bukit Bayas, Kuala Terengganu semalam.

sarang yang kemudian menghasilkan 10kg (madu)," katanya kepada Kosmo! semalam.

Mohd. Sufian memberitahu, keghairahan menyewa tapak bagi mengusahakan 100 sarang kelulut hampir membawa padah akibat serangan *black fly soldier* atau lalat hitam.

Ujarnya, ujian itu bagaimanapun tidak mematahkan semangatnya untuk membesarkan lagi perusahaannya sehingga berjaya membuka Galeri Madu Kelulut Bukit beberapa tahun lalu.

"Galeri Madu Kelulut Bukit menempatkan tiga spesies madu kelulut yang terkenal dengan keunikannya iaitu 'Heterotrigona itama', 'Lepidotrigona terminata' dan 'Geniotrigona thorcica' (Torasika).

"Penggemar madu dari Yemen, Jordan dan Asia Barat menagaku kelazatan madu kelulut asli Malaysia.

"Sebanyak 200kg madu kelulut pernah berjaya di eksport ke Dubai. Emiriyah Arab Bersatu pada dua tahun lalu," katanya.

Dengan bantuan NAFAS produk tempatan ini berjaya tembusi pasaran Dubai dan Singapura

KUALA TERENGGANU

Bermula sekadar hobi, seorang pekerja syarikat makanan, Mohd Sufian Mat Nor, kini mampu menjana pendapatan lumayan melalui terakan kelulut yang diusahakan di Kampung Bukit Bayas, Kuala Terengganu.

Lebih membanggakan produk keluarannya berjaya menembusi pasaran Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan Singapura dengan bantuan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS).

Mohd Sufian, 47 berkata, beliau mula mengusahakan terakan kelulut pada tahun 2015, bermula dengan satu sarang kelulut yang dibeli daripada rakan sekampung.

"Pada awalnya saya saja suka-suka beli log (sarang) ke-

Raih pendapatan lumayan ternak kelulut

FOTOBERNAMA



Sufian menunjukkan produk madu kelulut ketika ditemui di Galeri Madu Kelulut Bukit pada Selasa.

lebih hasil," katanya ketika ditemui di Galeri Madu Kelulut Bukit di sini pada Selasa.

Mohd Sufian berkata, pada

awal pembabitannya, industri terakan kelulut negara masih di peringkat awal dan tidak ramai yang berminat mengusahakannya.

Bagaimanapun beliau mengambil risiko dengan membeli 20 sarang kelulut dan diletakkan di kawasan rumah sebelum ditambah kepada 100 sarang dan ditempatkan di lot tanah yang disewa berdekatan rumahnya.

"Namun ketika itu saya berdepan ujian apabila 30 sarang musnah akibat serangan lalat hitam.

"Kerugian waktu itu sekitar RM30,000, tetapi ia tidak matakkan semangat saya untuk terus kekal dalam bidang ini," katanya.

Menurut Mohd Sufian, beliau kemudian mendapatkan bantuan daripada Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) mengembangkannya terakan dan berjaya ber-

oleh geran Agropreneur berjumlah RM20,000.

Dengan geran itu, Mohd Sufian mendapatkan tapak baharu di Bukit Bayas dan membuka Galeri Madu Kelulut Bukit pada 2019 untuk dibangunkan sebagai pusat terakan dan kawasan ekopelancongan.

Bagi membantu pengusaha terakan kelulut, beliau membeli madu daripada mereka untuk dijual ke pasaran tempatan dan luar negara.

"Ini cara saya membantu komuniti kelulut kerana ramai antara mereka hanya tahu menernak tetapi tidak ada saluran untuk memasarkan produk.

"Terbaharu saya dilantik oleh syarikat anak negeri, Eastern Pacific Industrial Corporation (EPIC) Bhd untuk menjadi mentor kepada 20 peserta yang terdiri daripada golongan miskin tergan," katanya. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/7/2023	HARIAN METRO	LOKAL	24



Mohd Sufian menunjukkan produk madu kelulut ketika ditemui di Galeri Madu Kelulut Bukit, Kuala Terengganu.

LEDAH seluruh sarang dibela Mohd Sufian di Galeri Madu Kelulut Bukit, Kuala Terengganu.

MADU KELULUT 'TERBANG' KE DUBAI

Dulu hanya hobi, kini mampu hasil madu 300kg sebulan

Oleh Faizul Azlan Razak
am@metro.com.my

Kuala Terengganu

Bermula dengan hanya satu sarang, kini Mohd Sufian Mat Noor, 47, mampu mengeksport madu kelulut ke Dubai serta Singapura.

"Kini, saya memiliki 180 sarang yang ditempatkan di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Terengganu," katanya ditemui di Galeri Madu Kelulut Bukit di PPK Bukit Bayas di sini, semalam.

Kata beliau, ada tiga spesies di galeri berkenaan iaitu Heterotrigona Itama (Itama), Lepidotrigona Terminata dan Geniotrigona Thoracica (Torasika).

Mengimbu pembabit awal-nya, Mohd Sufian berkata, pada mu-

lanya, dia hanya menjadikan madu kelulut sebagai hobi mengisi masa lapang pada 2015.

"Saya membeli satu sarang daripada kenalan dan meletakkannya di garaj kereta rumah di Kampung Bukit Besar.

"Pada bulan pertama, hasil diperolehi 500 gram. Saya kemudiannya membeli 20 sarang tambahan dan memperoleh antara lima hingga 10 kilogram (kg) madu, juga dalam tempoh sebulan," katanya.

Sejak itu, dia menjadikan bidang berkenaan sebagai penjana pendapatan.

Mohd Sufian berkata, dia juga pernah diuji apabila 30 daripada 100 sarang musnah akibat serangan lalat tentera hitam pada 2016 menyebabkan kerugian kira-kira RM30,000.

"Selepas itu, saya mendaftarkan

diri dengan PPK dan kini menjadi usahawan di bawah seliaan mereka," katanya.

Menurut Mohd Sufian, setakat ini, dia mampu memperoleh sehingga 300kg madu kelulut sebulan, termasuk yang dibeli daripada komuniti.

"Di bawah saya ada 500 komuniti yang mana mereka ini membeli sarang daripada saya sebelum saya membeli semula madu dihasilkan daripada mereka.

"Fokus utama saya sekarang adalah mahu menjadikan galeri madu kelulut ini sebagai agro pelancongan utama di negeri ini selain membantu golongan B40 menceburi bidang ini dengan memberi latihan dan bimbingan kepada mereka," katanya.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/7/2023	HARIAN METRO	LOKAL	25



PENGERUSI Lembaga Pertubuhan Peladang Datuk Mahfuz Omar (kiri) melihat sarang madu kelulut.

GALERI Madu Kelulut Bukit yang terletak di Kampung Bukit Bayas, Kuala Terengganu. - Gambar Bernama



PELATIH Agrotek Perbadanan Hal Elwal Bekas Angkatan Tentera (Perhebat) Universiti Putra Malaysia (UPM) Leftenan Komander Mohd Haniff Husain menunjukkan buah sun melon yang dapat dihasilkan sebanyak 4200 polibeg di tapak Program Usahawantani Putra-Perhebat di UPM Serdang. Perhebat dan UPM berkolaborasi melaksanakan program Usahawantani Putra-Perhebat yang menyediakan latihan dan latihan bimbingan berstruktur dalam bidang pertanian khusus untuk anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang akan bersara dan veteran.



ATLETstrongman yang juga pegawai bomba Ahmad Syahir Din Osman menunjukkan kekuatannya menikul hos bomba yang dianggarkan seberat 20 kilogram ketika ditemui pengamal media di Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat Johor. Penuda berusia 28 tahun itu yang menjuarai *Singapore Strongest 2023* pada Mac lalu, kali ini akan mewakili Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) bagi acara *Push Pull (Powerlifting)* kategori bawah 93 kilogram. Penolong Penguasa Bomba di Bahagian Keselamatan Kebakaran JBPM Negeri Johor itu meletakkan sasaran untuk menjuarai kejohanan tersebut atau mendapat kedudukan di podium.

Projek Intan strategi mantapkan keterjaminan makanan

SHAH ALAM - Projek Inisiatif Usahawan Tani (Intan) di bawah program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) adalah strategi serampang pelbagai mata dengan sasaran untuk memantapkan keterjaminan makanan negara dan membina kemudahan pertanian sendiri di lokasi strategik menggunakan teknologi *modern farming*.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, kerajaan akan menyediakan tanah, infrastruktur pertanian, latihan dan kos operasi seperti baja, sokongan pemasaran, padanan dengan pembeli serta elaun bulanan sementara menunggu hasil tuai.

"Kepada rakyat yang berminat, berikut adalah kriteria-kriteria dan garis panduan untuk permohonan Intan pertama, mestilah pertanian kontan yang kitaran tuainya sekitar tiga ke lima bulan supaya tidak menunggu terlalu lama.

"Kedua, tanaman kontan yang boleh diusahakan melalui polibeg atau fertigasi. Ketiga, mengutamakan jenis tanaman-tanaman yang ada serta-merta di pasaran dan mudah mendapat pendapati," katanya dalam ciapan di Twitter pada Selasa.

Berdasarkan Belanjawan 2023 yang diumumkan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 24 Februari lalu, sejumlah RM750 juta disediakan kepada Kementerian Ekonomi bagi

menjayakan Inisiatif IPR untuk tahun 2023.

Pada 15 Jun, Kementerian Ekonomi menjelaskan sebanyak 50 peratus daripada RM750 juta peruntukan di bawah program IPR diperuntukkan kepada inisiatif Intan.

Dalam pada itu, ujar Rafizi, Intan di bawah program IPR adalah antara usaha Kementerian Ekonomi untuk menoktahkan kemiskinan tegar dengan memperkenalkan tempat aktiviti ekonomi berfokuskan aktiviti pertanian.

Menurutnya, sebanyak 404.686 hektar pertama tanah telah dikenal pasti dan akan diumumkan untuk projek Intan pada Julai ini.

"Rakan-rakan strategik serta agensi pertanian kerajaan dan negeri telah dikenal pasti dan akan mengusahakannya.

"Untuk menjadi peserta IPR, layari laman web IPR di <https://ipr.epu.gov.my>," ujarnya.



12/7/2023

HARIAN METRO

LOKAL

9

2030 PERAK SEJAHTERA

Oleh Muhamad Lokman Khairi
am@hmetro.com.my

Taiping

Akibat penyakit gout dihidapi pergerakan Abd Aziz Alias tidak secerdas dahulu, malah terpaksa berhenti kerja kerana keterbatasan tenaga dan pergerakan sejak penyakit itu semakin teruk pada 2019 lalu.

Situasi itu membuatkan bapa tiga anak itu hilang mata pencarian bagi menyara keluarganya yang menetap di sebuah rumah sederhana di Changkat Jering, di sini.

Namun takdir mengatasi segalanya, berkat kesungguhan Abd Aziz, 59, dan isterinya, Ramlah Said, 53, untuk mengubah hidup mereka kini menjana pendapatan bulanan selepas berkecimpung dalam bidang pembenihan pokok kantan.

Berkongsi kisah pembabitannya awal dalam bidang berkebun, Abd Aziz menjelaskan ia bermula secara kebetulan selepas dipertemukan oleh rakan dari badan bukan kerajaan (NGO) yang



ABD AZIZ DAN RAMLAH MAMPU MEMPEROLEH KIRA-KIRA RM600 SEBULAN MELALUI PENJUALAN TANAMAN ANAK POKOK KANTAN YANG DIUSIAHKAN MEREKA. - GAMBAR NSTP/MUHAMMAD LOKMAN KHAIRI

mempunyai pengalaman dalam penanaman pokok kantan dan menawarkan pekerjaan pertanian kontrak kepadanya.

"Bermula November 2021, saya dan isteri mengambil upah melakukan pembenihan dan penjagaan anak pokok kantan dengan memanfaatkan halaman rumah kami sebagai kebun kecil.

"Sewaktu itu, modal untuk bahan asas seperti anak benih, tanah hitam sawit dan

beg poli semuanya disediakan oleh rakan saya, Abd Halim Abd Majid dari NGO Perubahan Kebajikan Al-Akram.

"Anak pokok kantan yang berusia tiga bulan atau mencapai piauwaian ketinggian iaitu enam hingga lapan inci akan dijual semula dengan nilai upah RM0.60 sepokok kepada Pertubuhan Kebajikan Al-Akram dan pendapatan yang kami terima bergantung kepada jumlah anak

mahir bagi menguruskan

pokok dijual," katanya. Jelas Abd Aziz, kebun kecilnya boleh memuatkan sebanyak 2,000 anak pokok kantan pada satu-satu masa dan purata pendapatannya ketika ini boleh dikatakan adalah RM600 sebulan.

Cabaran dari segi penyakit, katanya, tidak begitu membimbangkan buat masa ini kerana isterinya yang mempunyai latar belakang pertanian amat teliti dan mahir bagi menguruskan

Pokok kantan ubah nasib

Pasangan raih pendapatan bulanan hasil bantuan Geran Usahawan Asnaf Berjaya

gangguan serangga. Katanya, dia mendapatkan bantuan Geran Usahawan Asnaf Berjaya berjumlah RM3,000 daripada Pertubuhan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (SADC) melalui inisiatif Perak Sejahtera 2030 bagi memperkembangkan lagi perusahaannya.

"Saya menggunakan geran itu untuk membeli peralatan pertanian seperti rak bagi memperluaskan ruang tanaman, beberapa tiang simen dan jaring hitam pertanian yang boleh mengurangkan sinaran matahari yang terluar terik yang mengancam tanaman anak pokok kantan.

"Alhamdulillah, projek ini sudah berkembang, asalnya kami cuma boleh jual 2,000 anak pokok, kini saya dan isteri boleh tampung penghasilan bagi kira-kira 5,000 anak pokok kantan," katanya. Sementara itu, Timalan Pengerusi Pertubuhan Kebajikan Al-Akram, Abd Halim Abd Majid berkata, matla-

mat asal pertubuhan berkenaan adalah bagi membantu golongan asnaf yang memerlukan dengan menawarkan peluang pekerjaan secara kontrak.

Berkongsi mengenai situasi pasaran produk kantan

Abd Halim berkata, permintaan terhadap bahan mentah berasaskan pokok kantan ketika ini memang wujud dan mempunyai potensi yang luas.

"Bunga kantan yang sering masyarakat kita kenali sebagai bahan masakan laksa ini juga sebenarnya mempunyai permintaan tinggi terutama di Kelantan dan Terengganu bagi penghasilan kerabu. Manakala bagi Johor dan Melaka kerap digunakan bagi masakan asam pedas.

"Bukan itu sahaja, hasil inovasi kini industri sedang giat mengekstrak nutrisi dari kantan untuk dijadikan serum kecantikan dan ada juga yang menghasilkan emping kantan untuk produk makanan," katanya.

"Saya guna geran untuk membeli peralatan pertanian seperti rak bagi memperluaskan ruang tanaman, beberapa tiang simen dan jaring hitam pertanian yang boleh mengurangkan sinaran matahari yang terluar terik yang mengancam tanaman anak pokok kantan."

Abd Aziz